

Matrix Concepts catat jualan harta tanah baharu sebanyak RM998 juta

SEREMBAN: Syarikat pemaju perumahan, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) mencatatkan jualan harta tanah baharu sebanyak RM998 juta bagi tempoh sembilan bulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac ini sekaligus optimis ke arah landasan tepat ke tahap sebelum pandemik.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, walaupun berdepan cabaran besar seperti pemaju harta tanah lain, kumpulan ini mampu berjaya mencatat pertumbuhan dan memberi pulangan menarik kepada pemegang saham.

“Walaupun kami mengha-

dapi cabaran ketika memula-kan tahun kewangan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun pr-estasi lebih tinggi ini mampu tercapai.

“Matrix Concept juga telah merekodkan jualan harta tanah baharu sebanyak 35.5 peratus ke-

pada RM356.7 juta berbanding

RM263.2 juta sebelumnya, seka- li gus mengekalkan momentum pertumbuhan sejak awal tahun kewangan semasa. Ia disebab-kan permintaan kukuh untuk kediaman harta tanah di Sendayan Developments terutamanya di Seremban,” katanya dalam ken-yataan, semalam.

Menurutnya, jualan yang

dicatatkan dalam tempoh di- kaji itu adalah 15.3 peratus lebih tinggi berbanding RM865.3 juta tempoh sama tahun sebelum-nya.

“Pencapaian jualan harta tanah baharu ini bersamaan dengan 83.2 peratus sasaran setahun penuh Kumpulan sebanyak RM1.2 bilion..” katanya,